

# Percukaian Tanah Menurut Perspektif Islam

Prof. Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman  
dan Dr. Muhammad bin Arifin

## *Abstract*

*The article at glance attempts to survey the position of taxation of land (al-kharaj) according to Islamic perspective. In other words, it tries to view Islamic rulings (hukm) concerning land's tax, its procedures as well as its measurements. As far as the above matter is concerned, it is hopefully will assist in order to implement the taxation of land in accordance to the spirit of Islam.*

## **Pendahuluan**

Di antara sumber pendapatan sesebuah negara ialah hasil daripada kutipan cukai ke atas barang-barang, harta atau perkhidmatan yang tertentu. Tanah merupakan harta yang dikenakan cukai oleh kebanyakan, malah seluruh negara di dunia ini. Demikianlah juga cukai tanah telah menjadi sumber pendapatan *Bait al-Mal* dalam sesebuah negara Islam. Dalam artikel ini, kita akan cuba meninjau secara sepintas lalu tentang kedudukan cukai tanah menurut perspektif Islam. Dalam erti kata yang lain kita akan melihat hukum-hukum yang berkaitan dengan cukai tanah, cara-cara cukai tersebut dikenakan serta kadar yang dikenakan ke atas pemilik-pemilik tanah.

Sebenarnya adalah sangat mudah untuk menjawab soalan-soalan yang sedemikian, tetapi bagi tujuan membuat perancangan dan meletakkan dasar percukaian untuk ditadbirkan di dalam sesebuah negara, jawapannya tidak semudah yang difikirkan. Faktor-faktor tempatan juga perlu diambil kira. Oleh yang demikian, kertas ini akan cuba menjawab sebahagian daripada persoalan-persoalan tersebut sebagai pembuka

jalan kepada perbincangan dan penyelidikan yang lebih serius dan mendalam pada masa yang akan datang.

Dalam Islam, jenis cukai yang sangat dikenali umum ialah apa yang dalam istilah Syarak disebut zakat. Namun demikian terdapat perbezaan yang jelas antara zakat dan cukai yang akan kita bincangkan nanti. Zakat sebenarnya dikenakan ke atas hasil pengeluaran atau pendapatan yang diperolehi daripada usaha-usaha yang dijalankan; seperti zakat tanaman, buah-buahan, binatang ternakan, perniagaan dan sebagainya. Pada amnya para ulamak mempunyai pendirian yang seragam mengenai kadar zakat yang dikenakan ke atas barang-barang yang disebutkan. Ini ialah kerana persoalan zakat telah diterangkan dengan agak jelas oleh Rasulullah s.a.w. Dan al-Quran sendiri dengan tegas mewajibkannya. Sebaliknya bagaimanakah kedudukan cukai yang lain?

### **Asas-asas Pensyariaan Percukaian Dalam Islam**

Sebenarnya soalan ini telah dijawab oleh ulamak-ulamak Islam dari zaman dahulu lagi. Para ulamak tersebut mempunyai pendirian yang sama mengenai sahnya pihak berkuasa mengenakan berbagai jenis cukai. Dasar pendirian mereka ini ialah al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang merangkumi perkataan, perbuatan dan juga persetujuan Baginda terhadap sesuatu masalah. Demikian juga dengan amalan Khulafa' Rasyidin serta 'Umar b. 'Abd al-'Aziz.

Amalan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas tanah Khaibar selepas ia baru dibuka jelas menunjukkan perkara ini. Al-Baladhuri menyebut bahawa sewaktu tanah Khaibar ini berada di bawah penguasaan Rasulullah s.a.w. jumlah orang yang boleh mengerjakan tanah tersebut tidak mencukupi. Dengan demikian Rasulullah s.a.w. telah menyerahkan tanah-tanah tersebut untuk dikerjakan oleh orang-orang Yahudi dengan memungut separuh daripada hasil yang mereka perolehi. Amalan begini berterusan dalam zaman Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Abu Bakar. Walau bagaimanapun pada masa pemerintahan Khalifah Umar, kedudukan orang-orang Islam telah kukuh dan mereka telah mempunyai harta yang agak banyak, serta orang-orang Yahudi diusir ke Syam, harta-harta yang diperolehi dibahagi-bahagikan di kalangan orang-orang Islam.<sup>1</sup>

Kemudiannya Rasulullah s.a.w. membahagi-bahagikan pungutan yang dibuat itu kepada 36 bahagian yang masing-masing mempunyai 100 bahagian. Separuh daripadanya telah diperuntukkan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pungutan tersebut, manakala selebihnya dibahagi-bahagikan di kalangan orang-orang Islam.<sup>2</sup>

Demikianlah contoh di mana Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengamalkan pungutan cukai, yang menunjukkan bahawa ianya sudah lama ada dalam Syariat Islam. Inilah kemudiannya diikuti oleh Khalifah 'Umar al-Khattab ke atas tanah-tanah yang diperolehinya di Iraq, iaitu yang disebut tanah Sawad.<sup>3</sup>

Untuk membuktikan betapa pentingnya cukai ini, dapat dilihat bahawa Tahir bin Husin telah mengutuskan surat kepada anaknya Abdullah bin Tahir ketika Khalifah

al-Ma'mun melantiknya mentadbir Wilayah Rabi'ah. Surat tersebut merupakan wasiat beliau mengenai kutipan *kharaj*. Akhirnya Khalifah Ma'mun meminta supaya wasiat tersebut disebarikan kepada semua petugas-petugas beliau di serata daerah.<sup>4</sup>

Para fuqaha hampir mempunyai pendirian yang sama tentang percukaaian ini. Al-Baladhuri menyebut bahawa Imam Malik, Ibn Abi Dhi'b, Sufyan al-Thauri dan juga Abu Hanifah berpendirian sebagai berikut: "*Apabila seseorang itu mengerjakan tanah kharaj beberapa kali dalam setahun, kharaj akan dipungut sekali sahaja.*" Ibn Abi Laila, Abu al-Zinad, Abu Yusuf, Zufar dan lain-lain lagi telah mengemukakan pendapat mereka mengenai *kharaj*. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa terdapat asas Syariah dalam percukaaian *kharaj* ini. Dengan sebab itulah ahli-ahli fiqh Islam ini berusaha mengemukakan penyelesaian mereka terhadap masalah tersebut.

Namun begitu, seperti yang telah dijelaskan bahawa al-Quran mahupun al-Sunnah tidak memperuntukkan dengan begitu terperinci tentang perkara ini. Tetapi dengan berpandukan prinsip-prinsip umum yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta praktis oleh beberapa orang sahabat para ulamak telah berjaya mengemukakan beberapa gagasan yang boleh dijadikan panduan. Perlu diingat bahawa gagasan-gagasan yang mereka kemukakan banyak berasaskan kepada suasana dan keadaan negara pada ketika itu.

### **Kategori Tanah Menurut Syariah**

Sebelum dibincangkan secara khusus tentang pencukaaian tanah ini adalah dirasakan perlu dibincangkan terlebih dahulu tentang kategori tanah yang diiktiraf oleh fiqh Islam.

Berdasarkan kepada amalan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, terutamanya Khalifah 'Umar al-Khattab, para ulamak telah membahagikan tanah dalam negara Islam kepada beberapa kategori seperti berikut:

1. Tanah *kharaj*, dan
2. Tanah *ushri*

Pembahagian di atas sebenarnya merujuk kepada jenis cukai yang dikenakan ke atas tanah-tanah tersebut, iaitu cukai *kharaj* dan *ushr*.

Para ulamak mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan samada tanah tertentu berada di bawah kategori *kharaj* atau *ushri*. Perbezaan pendapat ini pada amnya berdasarkan kepada agama pemilik atau kedudukan kawasan terletaknya tanah tersebut.

#### **1. Tanah Kharaj**

Perkataan *kharaj* dan *kharj* sebenarnya ada digunakan oleh al-Quran, tetapi tidaklah merujuk secara langsung kepada cukai tanah seperti yang difahami dalam Kitab-kitab Fiqh. Umpamanya dalam Surah al-Mukminin (23) ayat 72 bermaksud:

“Atau (apakah patut mereka mengatakan bahawa): kamu meminta upah kepada mereka? (Tidak patut), kerana upah daripada Tuhanmu adalah lebih baik.”

Di dalam Hadis perkataan tersebut digunakan berulang kali, dan merujuk kepada maksud yang berlainan selain daripada yang digunakan oleh al-Quran atas yang bermaksud pulangan, hadiah, pahala, rezeki atau upah daripada Allah.

Di dalam Hadis dan juga sejarah, perkataan *kharaj* telah digunakan untuk merujuk kepada *jizyah* dan sebaliknya.<sup>5</sup> Walaupun demikian ulamak terkemudian telah menggunakan perkataan ini untuk merujuk kepada sejenis cukai yang dikenakan ke atas pemilikan tanah.<sup>6</sup> *Kharaj* hanya dikenakan ke atas tanah-tanah yang berada di bawah kategori tanah-tanah *kharaj*.

Dari segi sejarahnya tanah-tanah yang dianggap sebagai tanah *kharaj* ialah Sawad di Iraq. ‘Umar al-Khattab dengan dihadiri oleh sahabat-sahabat yang lain telah mengenakan cukai ke atas tanah-tanah tersebut.

Menurut ulamak mazhab Hanafi, tanah-tanah Sawad ini diperolehi secara paksa dan hakmilik tanah-tanah tersebut telah dikekalkan di tangan pemilik-pemilik asalnya, yang sekiranya mereka mahu boleh menjualnya atau menjadikan harta pusaka dan lain-lain.

Ulamak mazhab Shafi’i mempunyai pandangan yang berbeza dalam hal ini. Walaupun mereka bersetuju bahawa tanah Sawad itu telah diperolehi secara paksaan, mereka berpendapat bahawa oleh kerana tenteranya yang terlibat dalam penaklukan kawasan tersebut telah dibayar sugu hati yang adil, tanah tersebut menjadi waqaf yang faedahnya adalah untuk seluruh umat Islam. Dengan demikian, tanah-tanah tersebut terus berada di tangan pemilik-pemilik asal tetapi dalam bentuk sewaan kekal (*ijarah muabbadah*), dan sebagai penyewa mereka tidaklah boleh menjual tanah-tanah tersebut dan mereka tidak boleh juga mewarisinya.<sup>7</sup>

Dalam menentukan tanah itu boleh dimasukkan di bawah kategori tanah *kharaj* mazhab Shafi’i mempunyai suatu pandangan seperti yang disimpulkan oleh al-Mawardi seperti yang berikut dan tanah-tanah tersebut berada di bawah dua kelas:

1. Tanah-tanah yang telah ditinggalkan oleh pemiliknya, dan kemudian berada di tangan orang-orang Islam tanpa peperangan dan kekerasan. Tanah sedemikian menjadi tanah waqaf untuk faedah orang-orang Islam seluruhnya dan dikenakan *kharaj*, yang sebenarnya merupakan sewaan yang dikutip untuk satu tempoh yang tidak ditetapkan oleh kerana hasil kutipan tersebut adalah untuk faedah orang-orang Islam seluruhnya. *Kharaj* yang dikenakan ke atas tanah ini tidak akan bertukar kategorinya sekalipun pemiliknya memeluk Islam. Sebagai tanah waqaf kedudukannya kekal sedemikian dan tidak boleh diserahkan kepada pemilik individu melalui jual beli dan sebagainya.

2. Tanah-tanah yang masih dipegang oleh pemiliknya dan berasaskan kepada terma-terma perjanjian, diserahkan untuk terus dimiliki oleh mereka, dengan syarat mereka membayar *kharaj*. Sekiranya kemudian pemilik tanah-tanah ini, di bawah syarat-syarat yang dipersetujui menyerahkan tanah ini untuk kepentingan orang-orang Islam, tanah itu menjadi tanah waqaf dan kedudukannya adalah seperti tanah yang ditinggalkan oleh pemiliknya. *Kharaj* yang dikenakan ke atas pengusaha tanah ini adalah dalam bentuk sewaan. Sekiranya mereka ingin terus memiliki tanah tersebut, maka mereka perlu membayar *kharaj* yang ditentukan.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa tanah-tanah yang diperolehi daripada orang-orang bukan Islam sama ada melalui kekerasan ataupun melalui perjanjian damai adalah dianggap sebagai tanah *kharaj*.

## **2. Tanah ‘Ushr**

Tanah yang dimaksudkan di bawah kategori ‘*ushr* ialah tanah yang penduduknya menerima Islam tanpa peperangan. Satu contoh yang paling jelas ialah Madinah. Penduduk Madinah menerima Islam tanpa kekerasan dan mereka telah menerima Rasulullah s.a.w. dan ajaran yang dibawanya dengan baik.

Tanah ‘*ushr* boleh dibahagikan kepada kategori yang berikut:

1. Tanah yang diusahakan oleh pemilik asalnya. Sekiranya pemilik tanah ini ialah orang-orang Islam, mereka dikenakan zakat atas hasil yang mereka perolehi, dan sekiranya pemilik ini terdiri daripada orang *dhimmi* mereka dikenakan *kharaj dhimmah*. *Kharaj* ini akan gugur apabila pemiliknya memeluk Islam.
2. Tanah yang pernah diusahakan. Terdapat tanah-tanah yang pernah diusahakan tetapi pemiliknya tidak diketahui. Di samping itu terdapat juga tanah yang belum pernah diterokai. Daripada segi pemilikan, penggunaan dan tanggungjawab, tanah-tanah ini boleh digunakan oleh orang-orang Islam dan juga orang *dhimmi*. Mereka perlu membayar *kharaj ujarah* kepada pihak yang berkuasa, dan hakmilik tanah ini berada di tangan pihak yang berkuasa. Cukai ini tidak berubah sekalipun orang-orang yang mengusahakannya bertukar agama. Selain daripada itu pihak berkuasa berhak mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi sekiranya difikirkan perlu. Dalam hal ini, menurut Abu Yusuf, ‘*ushr* yang dikenakan ke atas orang-orang Islam adalah berasaskan zakat, manakala ‘*ushr* yang dikenakan ke atas orang-orang bukan Islam adalah berasaskan kepada prinsip *kharaj*.<sup>8</sup>

Berasaskan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pihak yang berkuasa boleh menentukan samada sesuatu tanah itu termasuk di bawah kategori *kharaj* atau '*ushr*' bergantung kepada keadaan tanah itu semasa masuk ke dalam pentadbiran kerajaan Islam dan juga dengan melihat kepada bagaimana tanah tersebut telah dibahagikan kepada rakyatnya.

Tanah-tanah yang diperolehi melalui peperangan tetapi tidak dibahagi-bahagikan kepada tentera Islam, akan menjadi tanah *kharaj* dan dijadikan milik am umat Islam. Pemilik asal atau orang-orang Islam yang memperolehi tanah tersebut akan dikenakan *kharaj jizyah* atau *kharaj ujah* ke atas hasil pengeluaran tanah tersebut mengikut kedudukan pemilik yang berkaitan. Selain daripada itu, pihak berkuasa boleh sekiranya perlu menukarkan status tanah itu daripada *kharaj* kepada '*ushr*'.

Mengenai tanah-tanah yang telah dibahagi-bahagikan kepada tentera Islam dan menjadi tanah '*ushr*' pihak berkuasa tidak boleh menukarkannya menjadi tanah *kharaj*. Orang-orang Islam yang menggunakan tanah tersebut dikenakan '*ushr*' dalam bentuk zakat tanaman.

Mengenai perkara ini, al-Mawardi telah mengemukakan gagasan yang agak jelas mengenai pembahagian tanah kepada dua kategori yang tersebut itu. Beliau menyebut bahawa samada tanah itu termasuk dalam kategori *kharaj* atau '*ushr*' bergantung kepada keadaan berikut.<sup>9</sup>

1. Semua tanah *mawat* (terbiar) menjadi tanah '*ushr*' secara mutlak sekiranya diusahakan oleh orang Islam dan *kharaj* tidak boleh dikenakan ke atas tanah tersebut. Sebaliknya jika tanah tersebut diusahakan oleh seorang *dhimmi*, tanah itu menjadi tanah *kharaj* yang dikenakan cukai *kharaj*.
2. Tanah yang pemiliknya memeluk Islam, dan hakmilik tanah itu kekal dalam tangannya dianggap sebagai tanah '*ushr*' dan tidak dikenakan *kharaj*. Ini merupakan pendapat mazhab Shafi'i. Imam Abu Hanifah walau bagaimanapun berpendapat bahawa pihak pemilik boleh memilih samada menjadikannya tanah *kharaj* atau tanah '*ushr*'. Sekiranya tanah itu dijadikan tanah *kharaj*, ia tidak lagi boleh dijadikan tanah '*ushr*'. Sebaliknya sekiranya tanah itu dijadikan tanah '*ushr*' ia boleh ditukar menjadi tanah *kharaj* kemudiannya.<sup>10</sup>
3. Tanah yang diambil daripada orang bukan Islam melalui peperangan dan kekerasan. Mengikut mazhab Shafi'i kedudukan tanah ini ialah sebagai harta rampasan perang atau *ghanimah* yang mesti dibahagi-bahagikan kepada tentera Islam. Tanah ini termasuk dalam kategori '*ushr*' dan tidak boleh dikenakan *kharaj*. Imam Malik berpendapat bahawa tanah tersebut menjadi tanah waqaf bagi faedah orang-orang Islam, dan ia dikenakan *kharaj*. Manakala Abu Hanifah berpendapat bahawa pihak berkuasa mempunyai hak menentukan samada tanah itu tanah *kharaj* atau tanah '*ushr*'.

4. Tanah yang dimiliki oleh orang-orang bukan Islam yang mengikat perjanjian damai (*sulh*) dengan kerajaan Islam. Tanah dalam kategori ini dikenakan *kharaj* sekiranya tanah-tanah itu terus berada di bawah milik mereka sahaja. Sekiranya dijual kepada *dhimmi* tanah tersebut akan terus kekal menjadi tanah *kharaj*. Sebaliknya jika dijual kepada orang Islam bayaran *kharaj* digugurkan.<sup>11</sup> Tanah-tanah dalam kategori ini tidaklah begitu banyak. Yang banyaknya ialah tanah-tanah yang diperolehi melalui peperangan seperti tanah Sawad, Syam, Parsi, Mesir dan sebagainya.<sup>12</sup>

Selain daripada itu, terdapat satu lagi jenis tanah iaitu yang dimiliki oleh orang bukan Islam yang lari meninggalkan kampung halaman mereka. Tanah-tanah ini kemudiannya diperolehi oleh orang-orang Islam tanpa peperangan. Tanah jenis ini dijadikan tanah waqaf untuk kepentingan orang-orang Islam dan dikenakan *kharaj*. Tanah ini kekal dalam kategori *kharaj* untuk selama-lamanya dan tidak boleh diubah walaupun pemiliknya menganut Islam.

### **Tanah-tanah Yang Dikecualikan Daripada Cukai**

Tiga jenis tanah yang tidak dikenakan cukai, tetapi pemilik tanah-tanah tersebut perlu membayar sepersepuluh (1 / 10) daripada hasil yang diperolehi melalui tanah tersebut. Tanah ini dinamakan tanah *tithe* atau tanah *ushri*. Tanah-tanah tersebut adalah sebagai berikut:

1. Tanah-tanah yang pemiliknya telah memeluk Islam tanpa sebarang peperangan. Tanah-tanah demikian dikekalkan dalam milik pemilik asal, dengan syarat mereka membayar cukai '*ushr* (*tithe*).
2. Tanah-tanah yang diambil oleh orang-orang Islam melalui peperangan. Sekiranya khalifah membahagikannya di kalangan tentera-tentera yang terlibat maka ia menjadi '*ushr* dan cukai tanah tidak dikenakan.
3. Tanah-tanah yang diperolehi oleh orang-orang Islam daripada orang-orang Kafir. Tanah-tanah ini dianggap sebagai rampasan perang dan dibahagikan kepada sesiapa yang memperolehinya. Tanah-tanah ini dikenakan cukai '*ushr* atas hasil yang diperolehi daripada pengusahaan ke atas tanah tersebut.

### **Dasar Percukaaian Secara Umum**

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, tidak ada peruntukan terperinci di dalam al-Quran dan al-Sunnah tentang percukaaian tanah dalam Islam. Walau bagaimanapun berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam al-Quran, al-Sunnah dan amalan sahabat dapatlah disimpulkan bahawa:

1. *Ulu al-Amr* (pemerintah) mempunyai kuasa untuk mengenakan cukai tambahan selain daripada yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. seperti Saidina 'Umar tidak membahagikan tanah Sawad (*ard Sawad*) di Iraq kepada orang-orang Islam yang menaklukinya, sebaliknya beliau mengenakan cukai *kharaj*. Kuasa ini juga berdasarkan kaedah (yang bermaksud):

*“Tindak tanduk seseorang pemerintah ke atas rakyatnya hendaklah berasaskan masalahah.”*

Ini bermakna, walaupun pemerintah mempunyai kuasa untuk mengenakan cukai baru, menambah, mengurangkan atau menghentikan cukai yang sedang dipungut; namun ianya hendaklah bertolak daripada dasar *masalahah*. Jika bertentangan dengan *masalahah* maka tindakan pemerintah tersebut adalah batal. Ini bermakna *masalahah* adalah dasar tindakan. Yang dimaksudkan dengan *masalahah* ini ialah *masalahah* yang diakui oleh Syarak iaitu *masalahah mu'tabarah* dan juga *masalahah* yang tidak bertentangan dengan Syarak iaitu *masalahah mursalah*. Jika ianya bertentangan dengan Syarak maka ianya bukanlah *masalahah* yang sebenar.

2. Cukai tambahan yang dikenakan tertakluk kepada adanya keperluan sebenar terhadap kemasukan hasil tambahan (harta). Ini bermakna bahawa negara benar-benar memerlukan kepada wang atau penghasilan. Jika negara tidak memerlukannya atau ada sumber lain untuk mendapatkan hasil negara, maka cukai seperti ini tidak boleh diadakan.
3. Cukai yang dikenakan hendaklah adil dan saksama. Tidak wajar ianya dipikul oleh sebahagian rakyat sedangkan rakyat yang lain tidak dikenakan. Jika mereka sama-sama berkemampuan, maka wajarlah semua mereka menanggung beban membayar cukai ini. Adil dan saksama di sini tidak bermakna cukai dikenakan secara sama rata tanpa mengambil kira pendapatan mereka. Cukai yang dikenakan hendaklah setelah dilihat pendapatan, tanggungan dan keperluan masing-masing.
4. Hasil cukai hendaklah dibelanjakan untuk kepentingan rakyat. Tidak wajar bagi pemerintah mengenakan cukai ke atas rakyat jika ia tidak dibelanjakan untuk kepentingan rakyat.
5. Cukai hanya boleh dikenakan oleh pemerintah atau pihak berkuasa. Orang perseorangan tidak boleh mengenakan cukai terhadap orang lain. Sebagai contoh, Saidina 'Umar mengenakan *kharaj* atas sifat Baginda sebagai pemerintah dan bukan atas sifat peribadi Baginda.<sup>13</sup>
6. Kemudahan yang diperlukan hendaklah diadakan. Dengan kemudahan tersebut harta mereka akan terjamin dan berkembang. Sebagai contoh, *kharaj* tidak boleh dikenakan jika tanah yang dicukai itu tidak boleh



digunakan untuk bercucuk tanam. Kadar cukai tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan. Sebagai contoh, tanah yang disediakan pengairan yang teratur berbeza *kharajnya* daripada tanah yang menggunakan pengairan secara semulajadi seperti hujan.

7. Cukai hendaklah diselaraskan di antara kepentingan umum (*masalah 'ammah*) dengan kepentingan individu atau khusus (*masalah khassah*). Kepentingan umum tidak boleh dengan sewenang-wenangnya dijadikan alasan untuk mengeneipkan kepentingan individu.<sup>14</sup>

### **Kaedah Menentukan Kadar Cukai**

Menurut Hassan Ibrahim Hassan, Khalifah 'Umar al-Khattab telah mengarahkan supaya tanah-tanah Sawad diukur. Kawasan ini mempunyai keluasan 36 juta *jarib* bersamaan 10,500,000 ekar (1 ekar bersamaan 3 *jarib*). Hasil pungutan yang dibuat adalah sebanyak 18 juta dirham (lebih kurang US\$2,150,000) dengan kadar 3 1/2 dirham bagi satu *jarib*. Cukai tanah sebanyak 14 dirham (US\$1.60) telah dikenakan ke atas satu ekar tanah yang ditanami jagung.<sup>15</sup>

Pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar al-Khattab hasil daripada kutipan cukai tanah di Sawad adalah 120 juta dirham (10 juta dinar). Walau bagaimanapun hasil daripada kutipan cukai-cukai tersebut tidaklah tetap, kerana cukai tanah berubah mengikut perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa samada untuk membaiki tali air dan sebagainya.

Daripada amalan Khalifah 'Umar al-Khattab, kita dapat melihat beberapa prinsip tertentu telah digunakan dalam menentukan kadar *kharaj* yang akan dikenakan ke atas tanah-tanah tertentu. *Kharaj* boleh dipungut tanpa mengira samada pemilik tanah tersebut telah mengusahakannya atau belum, dengan syarat dia telah berada dalam keadaan berupaya melakukannya. Ini kerana *kharaj* dikenakan berasaskan kepada perolehan yang boleh didapati daripada tanah tersebut.<sup>16</sup>

Imam Malik berpendapat pemilik tidak diwajibkan membayar *kharaj* sekiranya tanah itu tidak diusahakan, tanpa mengira sama ada kegagalannya berbuat demikian mempunyai alasan yang munasabah atau tidak.<sup>17</sup> Sekiranya pemilik tanah tidak berupaya mengusahakannya oleh sebab ketiadaan alat atau keupayaan, pihak berkuasa boleh menyerahkan tanah tersebut kepada orang lain melalui kontrak *muzara'ah* dan *kharaj* akan dipungut daripada bahagian yang diperolehi oleh pemilik. Pihak berkuasa boleh juga menyewakannya kepada orang lain dan mengambil bayaran sewaan itu sebagai *kharaj*. Satu cara lagi ialah pihak berkuasa menolong mengusahakan tanah tersebut dengan bantuan wang daripada perbendaharaan awam, dan cukai akan dipungut daripada hasil yang diperolehi oleh pemilik.

Walaupun bagaimanapun menurut satu riwayat daripada Imam Abu Hanifah, bahawa dalam masalah pemilik-pemilik tanah *kharaj* yang meninggalkan tanah mereka, pihak

berkuasa boleh mengusahakannya dengan menggunakan wang awam, atau menyewakannya dan keseluruhan hasil yang diperolehi dijadikan hak umum.

Al-Mawardi telah menyenaraikan beberapa faktor yang harus diberi perhatian ketika penentuan kadar itu hendak dibuat, antaranya adalah sebagai berikut:<sup>18</sup>

1. Sifat tanah itu samada subur ataupun tidak. Sifat-sifat ini boleh menentukan hasil pengeluarannya.
2. Jenis tanaman yang diusahakan, kerana perbezaan jenis tanaman boleh menyebabkan perbezaan daripada segi harga. Kadar *kharaj* yang hendak dikenakan hendaklah sesuai dengan tanaman yang diusahakan itu.
3. Keadaan pengairan yang ada di kawasan tanah itu. Kadar *kharaj* ke atas tanah yang pengairannya menggunakan tenaga manusia atau binatang adalah lebih rendah daripada kadar *kharaj* yang dikenakan ke atas tanah yang menggunakan air hujan dan juga daripada sumber-sumber asli.

Terdapat juga keadaan di mana cukai *kharaj* ini digugurkan. *Kharaj muqasamah* tidak wajib dibayar sekiranya semua hasil pertanian musnah disebabkan oleh bencana alam, seperti tanah runtuh, banjir, kebakaran dan sebagainya. Walaupun demikian sekiranya pada tahun yang sama tanah masih lagi boleh diusahakan, *kharaj* tidaklah gugur. Sebaliknya, jika hasil itu musnah akibat sesuatu sebab yang boleh dielakkan melalui kawalan atau jagaan seperti burung, atau jika hasil itu musnah selepas dituai, *kharaj* tidaklah digugurkan.<sup>19</sup>

Bagaimanakah sebenarnya kadar *kharaj* itu hendak ditentukan? Adakah amalan Khalifah 'Umar itu dianggap sebagai mengikat yang mesti diikuti dalam menentukan kadar cukai pada masa ini? Dalam hal ini para ulamak sekali lagi berbeza pendapat.

'Umar al-Khattab telah mengenakan *kharaj* ke atas tanah-tanah Sawad mengikut satu kadar tertentu dan kadar ini sama dengan kadar yang dikenakan ke atas tanah-tanah yang berada di bawah penguasaan Sasanid.<sup>20</sup> Dalam beberapa kes yang lain dia telah menetapkan kadar yang berbeza. Malah terdapat perbezaan antara berbagai riwayat tentang kadar ini walaupun ke atas tanah di Sawad sendiri.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulamak tentang kadar *kharaj* yang boleh dikenakan:

1. Satu pendapat menyatakan bahawa kadar *kharaj* yang dikenakan oleh 'Umar al-Khattab mestilah diikuti. Tidak boleh ada apa-apa perbezaan yang telah ditetapkan, sama kurang ataupun lebih. Sekiranya di kawasan itu telah ditanami dengan sejenis tanaman yang tidak terdapat pada masa 'Umar, kadar yang hendak ditetapkan hendaklah dibandingkan dengan kadar yang ditetapkan oleh Umar dalam kes tanaman yang mempunyai sifat yang hampir sama.<sup>21</sup>
2. Satu pendapat lain yang disokong oleh ramai fuqaha yang awal serta ramai fuqaha mazhab Hanafi menyebut bahawa di dalam kes-kes yang

seperti ini, kadar yang patut dikenakan hendaklah kurang daripada kadar yang ditetapkan oleh 'Umar.

3. Sebahagian daripada fuqaha mazhab Hanbali berpendapat bahawa kadar yang dikenakan boleh melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh 'Umar, tetapi tidak boleh kurang daripada kadar tersebut. Pengurangan daripada kadar yang ditetapkan boleh menyebabkan kekurangan dalam pendapatan *Bait al-Mal*.
4. Abu Yusuf, al-Shaybani dan sebahagian daripada ulamak yang terawal serta ulamak daripada mazhab Hanbali berpendapat bahawa penentuan kadar ini diserahkan kepada pihak berkuasa, dan beberapa faktor yang berkaitan mestilah diberikan perhatian secara khusus. Antara faktor-faktor ini ialah keadaan tanaman, cara pengairan, perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk pengairan dan juga jarak di antara tempat itu dengan tempat pemasaran dan seterusnya.<sup>22</sup>
5. Dalam sistem pembahagian secara *muqasamah*, kadar *kharaj* yang dikenakan hendaklah tidak melebihi separuh daripada hasil yang diperolehi. Kadar ini mestilah dikurangkan berdasarkan kepada kadar pertambahan dalam perbelanjaan mengerjakan tanah tersebut. Kadar ini boleh dikurangkan sehingga kepada kurang daripada satu perlima. Ini mengikut satu pendapat. Walau bagaimanapun satu pendapat yang lain mengatakan bahawa satu perlima adalah kadar yang paling minima yang boleh dikenakan ke atas *kharaj muqasamah*.

### **Bentuk-bentuk Pungutan**

Pihak berkuasa memungut cukai tanah (*daribah al-ard*) samada dalam bentuk wang atau harta benda, seperti yang telah dilakukan oleh Khalifah 'Umar al-Khattab ketika memungut cukai tanah Sawad. Cukai juga dipungut dalam bentuk hasil daripada pengusahaan ke atas tanah tersebut, seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas orang-orang Yahudi di Khaibar.<sup>23</sup>

Secara amnya ada dua cara yang digunakan untuk memungut *kharaj* ini iaitu *kharaj muqasamah* dan *kharaj wazifah*.

#### ***Kharaj Muqasamah***

Sejenis *kharaj* yang dikenakan berasaskan kepada satu kadar daripada hasil yang diperolehi melalui pengusahaan terhadap tanah itu. Kadar-kadar itu boleh ditentukan oleh pihak yang berkuasa samada satu perdua, satu pertiga, satu perempat atau satu perlima. *Kharaj* jenis ini dipungut pada setiap kali tanaman itu mendapat hasil.

### **Kharaj Wazifah (Muwazzaf)**

Sejenis *kharaj* yang dikenakan berdasarkan kepada keluasan tanah, ataupun kadang-kadang berdasarkan kepada tanaman yang terdapat di atas tanah tersebut. *Kharaj* ini dikenakan mengikut kadar yang tetap atas satu bidang tanah yang tertentu.

Pungutan *kharaj* jenis ini sebenarnya berdasarkan kepada amalan Khalifah 'Umar al-Khattab ke atas tanah Sawad di Iraq dengan syarat tanah-tanah tersebut sesuai untuk pertanian dan sebagainya. *Kharaj* jenis ini hanya wajib dibayar sekali sahaja setahun, walaupun aktiviti pertanian boleh dijalankan beberapa kali dalam setahun. Cara ini telah dilakukan oleh Khalifah 'Umar terhadap tanah-tanah yang dimiliki oleh *dhimmi*.

### **Kesimpulan**

Pada prinsipnya pemerintah boleh mengenakan cukai tambahan ke atas rakyatnya, tetapi beberapa perkara penting berhubung dengan kepentingan umum mestilah diberikan perhatian sebelum apa-apa cukai tambahan hendak dilaksanakan. Di antaranya,

1. Cukai tersebut hendaklah adil dan saksama serta tidak membebankan mana-mana pihak. Kepentingan umum dan individu hendaklah dilihat secara adil.
2. Hasil cukai tersebut hendaklah dibelanjakan untuk kebajikan rakyat seluruhnya. Saidina 'Umar umpamanya pernah menarik balik cukai *jizyah* yang dikenakan ke atas seorang Yahudi, setelah orang itu mengadu bahawa ia tidak mendapat apa-apa daripada negara sewaktu ia tua.

Berhubung dengan cukai tanah secara khusus, walaupun pihak perintah diberikan kuasa untuk menentukan kadarnya, Islam juga menghendaki supaya perkara-perkara berikut diberikan perhatian:

1. Keadaan tanah serta jenis tanaman yang boleh dihasilkan. Penentuan cukai hendaklah berasaskan kepada hasil yang dijangka akan diperolehi. Mungkin sejenis tanaman mempunyai pasaran yang baik, manakala tanaman yang lain tidak mampu memberikan hasil yang lumayan.
2. Tanah-tanah yang tidak boleh mengeluarkan apa-apa hasil seharusnya dikecualikan daripada cukai.
3. Cukai yang diambil hendaklah digunakan untuk kepentingan rakyat, serta membantu perkembangan ekonomi negara agar kemudahan-kemudahan kepada rakyat dapat disediakan secukupnya.
4. Hasil kutipan cukai juga hendaklah digunakan untuk kepentingan keselamatan agama, diri, harta, maruah dan juga keturunan.
5. Sekiranya pemerintah gagal memenuhi keperluan-keperluan tersebut cukai tidak wajar dikenakan.

## Nota Hujung

1. Al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, Beirut, 1983, hlm. 34.
2. *Ibid.*
3. Al-Zahrani, *Mawarid Bait al-Mal fi al-Daulah al-'Abbasiyah*, Makkah, 1985, hlm. 45.
4. *Ibid.*
5. Lihat M. Hasan-uz-Zaman, *The Economic Function of the Early Islamic State*, Karachi, 1981. hlm. 167-8.
6. Lihat Abu Yusuf, *Kitab al-Kharaj*, Kaherah, 1952; Yahya bin Adam, *Kitab al-Kharaj* dan lain-lain.
7. Nicholas P. Aghnides, "*Mohammedan Theories of Finance*", New York, 1916, hlm. 364.
8. Abu Yusuf, *Kitab al-Kharaj*, hlm. 134.
9. Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kaherah, 1909, hlm. 147.
10. *Ibid.*
11. *Ibid.*
12. Muhammad Diya' al-Din al-Ris, *al-Kharaj wa al-Nuzum al-Maliyyah fi al-Daulah al-Islamiyyah*, Kaherah, hlm. 127-8.
13. Dr. Abd al-Aziz al-Aly al-Na'im, *Nizam al-Dara'ib fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Ittihad al-Arabi li al-Tiba'ah, 1975, hlm. 181-183.
14. Muhammad Amin al-Ghazali, *al-Nuzum al-Maliyyah*, Kaherah: Universiti al-Azhar, 1970, hlm. 9-11.
15. Hasan Ibrahim Hassan, *Islam: A Religious, Political, Social and Economic Studies*, Baghdad, 1967, hlm. 447.
16. Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, jld. 10, hlm. 82, dipetik oleh Aghnides, *Mohammedan Theories of Finance*, New York, 1916, hlm. 385.
17. Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kaherah, hlm. 161.
18. *Ibid.*
19. Ibn 'Abidin, *Radd al-Mukhtar 'ala al-Dar al-Mukhtar*, jld IV, Kaherah, 1389, hlm. 185-6.
20. Abu Yusuf, *Kharaj*, hlm. 36-38, 85 dan 128.

21. Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hlm. 171.
22. *Ibid.*, hlm. 168-9.
23. Hasan Ibrahim Hasan, *Islam: A Religious, Political, Social and Economic Studies*, Baghdad, 1967, hlm. 446.